

R

HEGEMONI POLITIK MELAYU DAN RESPONS MASYARAKAT CINA
MALAYSIA : SATU KAJIAN TENTANG PERANAN
PERSATUAN CINA (HUATUAN), 1969-1999

THOCK KER PONG

TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

JABATAN PENGAJIAN TIONGHOA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511562919

PENGAKUAN

Saya akui karya ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiapnya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Mei 2004



THOCK KER PONG

AHA 99001

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, **Prof. Madya Dr. Chia Oai Peng** dan **Profesor Dr. Hussain Mohamed** kerana kesungguhan mereka membimbing saya dalam penulisan tesis ini. Segala nasihat, tunjuk ajar, dan galakan yang saya terima daripada mereka telah banyak membantu saya. Jasa baik dan komitmen mereka akan saya kenang dan hargai buat selama-lamanya.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian Tionghoa, Universiti Malaya yang selalu mengambil berat terhadap penulisan tesis saya. Kepada pemimpin-pemimpin Huatuan yang telah memberi kerjasama dalam temu bual bagi menjayakan kajian ini, saya amat berterima kasih. Tidak ketinggalan juga penghargaan saya turut ditujukan kepada adik saya, Dr. Thock Kiah Wah dan rakan seperjuangan akademik saya, iaitu Sia Keng Yek dan Cheong Yuen Keong yang telah banyak memberi sumbangan idea dan suntikan semangat dalam penghasilan tesis ini.

Akhirnya sekalung pengahargaan harus ditujukan kepada isteri dan anak-anak tercinta saya yang sentiasa memahami beban tugas rasmi saya dan penyelidikan saya serta banyak berkorban dan memberi sokongan moral kepada saya.

Thock Ker Pong
256, Jalan Jasmin 10,
Taman Jasmin,
43000 Kajang, Selangor D. E.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau peranan dan pengaruh politik persatuan Cina atau Huatuan sebagai reaksi atau responsnya kepada hegemoni politik Melayu di Malaysia. Hegemoni politik Melayu yang terbentuk selepas Peristiwa 13 Mei 1969 memperlihatkan penguasaan yang tuntas oleh elit politik Melayu dalam berbagai-bagai bidang dirasakan telah membawa penghakisan hak dan kepentingan masyarakat Cina. Kegagalan parti-parti politik Cina dalam memainkan peranan mereka sebagai pelindung kepentingan masyarakat di bawah kerangka kehegemonian Melayu telah menyumbang kepada kemunculan Huatuan sebagai satu kuasa dalam politik Malaysia. Dalam kajian ini permasalahan dan dilema masyarakat Cina Malaysia diteliti mengikut kerangka persaingan dan konflik etnik. Manakala perjuangan, peranan, dan pengaruh politik Huatuan ditinjau dengan melihat kedudukan dan peranannya sebagai kumpulan kepentingan. Hasil kajian mendapati, pertama, perjuangan Huatuan di Malaysia didasari tuntutan hak kesamarataan lantaran pelaksanaan dasar-dasar awam yang bertunjangkan usaha merealisasikan agenda perjuangan Melayu yang diyakini boleh menghakiskan hak-hak sivil rakyat bukan Melayu. Kedua, kebangkitan Huatuan sebagai satu kumpulan politik yang mampu membawa impak kepada kekuasaan UMNO/BN telah menyebabkan pemerintah berusaha untuk menyerap dan menguasai atau melemahkan pergerakan Huatuan. Ketiga, tindakan *co-optation* oleh pemerintah terhadap Huatuan telah menghasilkan perpecahan dalam pergerakan Huatuan kepada aliran kompromi dan aliran pendesak. Tindakan ini diambil agar pertubuhan Cina yang bergerak berlandaskan perspektif desakan dan tuntutan dapat dipinggirkan, namun usaha demikian didapati belum berhasil kerana pertubuhan-pertubuhan Cina seperti Dongjiaozong yang memperjuangkan suara hati masyarakat Cina masih mampu menggembeleng sokongan dan tenaga masyarakat Cina massa bagi mengukuhkan perjuangannya. Keempat, ruang-lingkup pergerakan Huatuan aliran pendesak yang pada mulanya hanya berlandaskan kepentingan komunal didapati telah berkembang kepada non-komunal dan mulai menjadi pergerakan *civic* dengan berteraskan desakan terhadap hak demokrasi dan sivil. Ini dapat dilihat dalam tuntutan Suqiu. Akhir sekali, pergerakan Huatuan didapati mampu memainkan peranannya sebagai kumpulan kepentingan melalui wahana politik dan seterusnya memberi sumbangan kepada pembentukan masyarakat sivil di Malaysia.